

30/11/1997

Samy Vellu mahu tindakan cepat

BENARKAH Datuk lebih senang dengan cara kepemimpinan yang agresif?

Kita bukan saja perlu agresif, tetapi proaktif. Berikutan itu, saya lebih suka menyelesaikan sesuatu perkara yang berbangkit serta merta dan kalau nampak ada masalah, ia perlu ditangani segera. Jika kita lengah bertindak atau bersikap tunggulah esok, ia tidak akan menjadi dan sukar diselesaikan. Apabila kita bertindak begitu, adalah pihak yang beranggapan ia agresif, manakala pihak lain pula menyifatkannya aktif.

Bagaimanapun, ada juga pihak menganggap tindakan itu lebih bersikap diktator?

Saya tidak bersetuju dengan pandangan itu. Selama mengetuai parti, saya membuat banyak pembaharuan dan sentiasa menilai semula kepemimpinan dalam parti. Kita bukan duduk saja selama 20 tahun tanpa pembaharuan. Kalau pemimpin duduk untuk memanaskan kerusi, mereka tidak akan berjaya. Sehubungan itu, kalau pemimpin membawa perubahan dan perancangan, saya percaya mereka akan terus diterima oleh ahli. Bagaimanapun, apabila sampai masa ahli menuntut pemimpin diganti, kita perlu sedia berundur. Dalam pilihan raya umum lalu, ada pemimpin MIC digugurkan walaupun baru sepenggal menjadi wakil rakyat.

Apakah rasional tindakan itu?

Sebaik saja memenangi kerusi dalam pilihan raya, setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) perlu berkhidmat kepada rakyat. Jadi sepanjang menjawat jawatan itu, parti akan menilai prestasi semua wakil rakyat iaitu 15 Adun dan tujuh Ahli Parlimen. Penilaian itu, termasuk sejauh mana beliau berjaya mengatasi masalah dihadapi rakyat, hubungan dengan pengundi kaum lain, kerjasama dengan pemimpin Umno dan melaksanakan tugas yang diamanahkan. Siapa yang berjaya dalam tugas sebagai wakil rakyat, sudah pasti akan terus diberi peluang bertanding semula sama ada dua, tiga atau empat penggal.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kerajaan tidak boleh memenuhi tuntutan semua kaum di negara ini.

Bagaimana Datuk melihat penjelasan itu?

Kaum India tidak membuat tuntutan yang besar. Kami hanya minta bantuan yang tidak boleh dilaksanakan sendiri. Atas kesedaran itu, kami berusaha membina sekolah sendiri dan sebahagian perbelanjaan itu adalah sumbangan kerajaan. Apabila menghadapi masalah seperti ladang akan ditukar menjadi kawasan perindustrian, kami akan meminta kerajaan dengan mengarahkan pemilik memberi pampasan dan ia menjadi sebahagian daripada syarat untuk kelulusan.

Selebihnya kami tidak minta apa-apa, kecuali pengagihan pembangunan yang lebih adil. Dalam projek perumahan misalnya, jika ada kuota untuk kaum lain, masyarakat India juga mahu sebahagian daripadanya mengikut peratusan. Begitu juga peluang pekerjaan, mereka juga mahu sedikit. Kami tidak mahu terus merayu-rayu lagi, sebaliknya berusaha sendiri tanpa mengharap bantuan daripada kerajaan.

Sehubungan itu, ketika membina Kolej Tafe berharga RM25 juta, kerajaan memberi bantuan RM8 juta, manakala selebihnya diusahakan oleh MIC. Dalam pembinaan universiti yang dicadang, kita mesti mohon bantuan kerajaan. Jika tidak, mana kita hendak cari peruntukan sebanyak RM180 juta. Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berjanji memberi tanah dan ia bukan diberi percuma, sebaliknya kami perlu membayar premium. Ini bermakna, jika

kita minta bantuan bukan mengharap semuanya diberikan kepada kita, kecuali sebahagian kecil sahaja.

Apakah Datuk berpuas hati dengan kerjasama dalam Barisan Nasional?

Ikatan kerjasama pemimpin kerajaan BN adalah paling kukuh dan sentiasa bekerjasama membangunkan negara. Bagi menangani masalah kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham misalnya, pemimpin BN mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali dan membincangkan perkara itu beberapa jam untuk mencari jalan membaiki keadaan. Setiap keputusan dilaksanakan oleh parti komponen untuk memastikan masalah berbangkit dapat diselesaikan, dan projek pembangunan dapat memberi faedah kepada rakyat secara keseluruhan.

Apakah persiapan untuk melangkah alaf depan?

Dalam abad ke-20, kaum India menghadapi banyak masalah oleh kerana kerajaan British menempatkan kami di ladang dan tidak memberi peluang mendapat kedudukan yang setaraf. Ini pengalaman lebih 90 tahun lalu. Selepas merdeka, kami sedar bahawa masyarakat India tidak boleh menjadi pekerja ladang semata-mata, tetapi perlu mendapat peluang lain dalam sektor pembuatan dan profesional. Sejak dua dekad lalu, MIC melaksanakan beberapa projek untuk menerapkan sikap berdikari dalam masyarakat India. Sehubungan itu, penubuhan Kolej Tafe, skim pinjaman Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED), Universiti Maju yang dicadangkan dan skim pinjaman kecil adalah usaha menjayakan matlamat itu. Bagi mencapai matlamat itu, ia menuntut komitmen dan MIC menggesa kaum India mengikis budaya bergantung kepada orang lain dan menjadikan semangat berdikari sebagai cara hidup.

Untuk mencapai matlamat itu, apakah halangan utama yang dihadapi?

Banyak ladang tempat kaum India bekerja dan tinggal sekarang terbabit dalam projek pembangunan dan mereka hanya diberi pampasan sebuah rumah sahaja. Berikutan itu, MIC berpendapat kadar pampasan yang terkandung dalam undang-undang sekarang tidak berapa sesuai. Ini kerana seorang yang bekerja selama 35 tahun pada akhirnya diberi pampasan di antara RM2,000 hingga RM4,000 sahaja, sedangkan pemilik ladang memperolehi keuntungan lebih 200 kali ganda. Ketika pemilik ladang meraih untung, pekerja yang berbakti terus dihimpit kemiskinan. Apa yang dikesali ada sebahagian daripada pengurusan ladang mendapat bonus di antara lapan hingga 12 bulan, sedang pampasan pekerja terlalu kecil.

Bagi saya, trend pengurusan ladang yang diambil daripada penjajah Inggeris itu perlu ditukar. Apa yang dikesali banyak daripada ladang sudah diuruskan rakyat tempatan, tetapi dasar dan fikiran penjajah masih belum bertukar dalam pengurusan. Sekiranya dasar itu kekal, pengurusan saja mendapat keuntungan, sedangkan pekerja terus tertindas. Dalam satu kes, pengurusan ladang yang menjual tanah kepada pentadbiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) enggan memberi ganti rugi kepada pekerja, sebaliknya menuntut mereka keluar daripada ladang.

Apakah usaha mengatasi masalah pekerja ladang terbabit?

Setiap kali mesyuarat Majlis Tertinggi MIC atau Jemaah Menteri, mesti ada masalah yang membabitkan masyarakat India yang dibangkitkan. Saya mengambil sedikit masa untuk membincangkan masalah pekerja India yang masih ketinggalan berbanding kaum lain. Ketika Dr Mahathir mengumumkan Putrajaya, saya bangkitkan kedudukan pekerja ladang di kawasan terbabit. Dr Mahathir berjanji menyelesaikan masalah itu dan hasilnya sebanyak RM12 juta dibelanjakan untuk membina 450 unit rumah di Prang Besar. Rumah berkenaan dijadual siap lima bulan lagi dan selepas itu, boleh diduduki pekerja terbabit. Dalam mesyuarat Kabinet, saya meminta Menteri Pendidikan memindahkan sekolah ke kawasan berhampiran dan sehubungan itu, saya yakin masalah rumah dan sekolah dapat diselesaikan. Bagaimanapun, ada satu masalah lagi iaitu di mana mereka akan bekerja.

Apakah bidang latihan yang disediakan?

Saya percaya banyak peluang pekerjaan di Putra Jaya dan saya sudah

meminta pekerja ladang menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi atau mengikuti kursus kemahiran. Usaha itu penting, jika mereka keluar dari ladang tanpa pengalaman dalam kemahiran mereka akan terus menjadi buruh sama ada pencuci, jaga atau pemandu. Hampir 90 peratus daripada pemandu kenderaan berat sekarang adalah kaum India yang bekerja di antara 10 dan 12 jam sehari. Ini menunjukkan ada peningkatan. Namun, saya percaya masih banyak peluang boleh diperolehi mereka untuk mendapat pulangan lumayan.

Pendidikan adalah kunci kejayaan dan setakat ini apakah MIC berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan?

MIC melalui MIED mengambil beberapa langkah membantu usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan memastikan rakyat negara ini mendapat peluang pendidikan tinggi. Bermula dengan pembinaan Kolej Tafe yang mampu mengambil 3,000 pelajar setahun, kini sudah ditambah kepada 3,500 orang. Dalam tempoh tujuh tahun seramai 7,500 graduan dalam profesional dihasilkan dan pada masa yang sama, MIC menghantar di antara 150 dan 200 pelajar melanjutkan pelajaran di luar negara setahun. Masyarakat India sudah bangun daripada 'tidur' dan mereka kini sudah sedar mengenai pentingnya pendidikan dan mula menghantar anak ke sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi. Hasil kejayaan ini, MIED merancang menubuhkan tiga kolej cawangan di Ipoh, Segamat dan Skudai di samping Universiti Maju di Sungai Petani, Kedah. Universiti ini akan menawarkan empat bidang pengajian iaitu perubatan, kejuruteraan, sains dan teknologi maklumat. Kita sudah memberi maklumat terakhir kepada Menteri Pendidikan dua minggu lalu dan jika diizinkan Tuhan, lesen universiti diluluskan tahun depan. Sebaik saja diluluskan, kita akan memulakan pengajian di kampus sementara sebelum kampus induk berharga RM180 juta dibina.

Bagi memantapkan jentera parti, MIC melaksanakan sistem pentadbiran Umno sejak dua tahun lalu. Sejauh mana pelaksanaannya sekarang?

Sistem lama yang digunakan selama lebih 43 tahun menyebabkan ada pemimpin MIC kurang berminat menjalankan tugas masing-masing. Mengikut sistem lama, pemimpin negeri mempunyai kuasa penuh untuk mengurus, menyasat dan menentukan siapa yang boleh dipilih sebagai wakil cawangan. Ini menyebabkan ramai pemimpin cawangan kurang berminat menjalankan tugas mereka. Apabila kita melaksanakan sistem Umno, kuasa negeri dipindahkan kepada bahagian dan ini membantu mereka mengadakan lebih banyak kegiatan. Secara langsung, pengurusan parti lebih efisien dan berjaya mewujudkan lebih ramai pemimpin di peringkat bawah. Ini membolehkan semua keputusan peringkat Majlis Tertinggi dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan. Bagaimanapun, timbul masalah baru kerana kelompok yang tewas di peringkat cawangan enggan bekerjasama dengan pemimpin yang dipilih dan saya percaya masalah ini boleh diatasi dalam tempoh dua tahun.

Mengenai keahlian MIC, adakah Datuk berpuas hati dengan jumlah penyertaan kaum India sekarang.

Setiap hari kita menerima permohonan menubuhkan cawangan baru dan ini menunjukkan keyakinan kaum India terhadap MIC. Setakat ini, MIC mempunyai lebih 460,00 ahli daripada 630,000 pengundi India yang berdaftar. Kita berharap 100,000 lagi akan menjadi ahli sebelum akhir tahun ini. Baru-baru ini MIC menubuhkan 50 cawangan khas untuk kaum Sikh membabitkan keahlian seramai 3,000 orang.

Bagaimana Datuk melihat parti yang bersaing mendapatkan sokongan masyarakat India?

Tidak keterlaluan jika dikatakan mereka tidak mempunyai objektif untuk membangunkan masyarakat India. Sebaliknya, MIC mempunyai rancangan yang tersusun untuk membantu kaum India meningkatkan peluang pendidikan dan pekerjaan. Ini kerana MIC mempunyai jentera pentadbiran yang kemas bagi

mengatasi masalah kaum India di negara ini.

Akhir sekali, apakah kriteria untuk menjadi pemimpin yang baik?

Seorang pemimpin perlu bersedia menyelesaikan masalah ahli yang diwakili dengan penuh dedikasi dan cuba memperbaiki keadaan mereka. Apabila disuarakan masalah, pemimpin akan cepat bertindak, bukan setakat menyuarakan masalah itu, sebaliknya merancang untuk membantunya. Dalam erti kata lain, kalau mereka menangis, kita juga turut menangis atau sekurang-kurangnya berlinang air mata. Ia adalah antara ciri untuk menjadi pemimpin berwibawa.

(END)